

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 10 APRIL 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 19

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1421-L04164
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimana pemberian subsidi petrol bersasar bagi golongan berpendapatan rendah 40% (B40) akan dilaksanakan – sama ada suatu kad petrol akan diberi dan adakah pihak pengusaha stesen minyak akan dibayar pampasan diskaun untuk mengganti pemotongan harga.
2. PR-1421-L04025
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah status pembangunan projek kereta nasional baharu (NNCP), program pembangunan vendor pada tahap pertama pelaksanaan dalam meningkatkan penyertaan vendor tempatan sebagai pemain utama dalam membekalkan komponen kenderaan bagi membangunkan projek NNCP beserta dengan perbelajaan yang telah dilaburkan.
3. PR-1421-L03796
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan penubuhan Majlis Tahfiz Negara, adakah kerjasama daripada Kerajaan Negeri diperlukan untuk melaksanakan dasar dan menjalankan penguatkuasaan terhadap maahad tahfiz di negeri-negeri terbabit dan bagaimanakah ini dapat dilaksanakan.
4. PR-1421-L03332
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan :-
 - (a) adakah Kementerian berhasrat untuk menetapkan had harga siling air bagi setiap negeri; dan

(b) apakah justifikasi Kementerian terhadap cadangan untuk menaikkan tarif air di Malaysia.

5. PR-1421-L(5)00031

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk "*mensifarkan*" bayaran tol untuk laluan di antara plaza-plaza tol Bandar Ainsdale, Seremban, Port Dickson (Rasah) dan Port Dickson yang sangat dekat jaraknya dan dianggap sebagai plaza tol dalam bandar Seremban.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

6. PR-1421-L03869

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kemasukan warganegara Israel ke dalam negara menurut kategori tahun dan tujuan kemasukan.

7. PR-1421-L04242

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menggubal satu Akta Anti-Lompat Parti (*anti-hopping*) yang mengharamkan sebarang aktiviti atau tindakan lompat parti dalam kalangan ahli-ahli sesebuah parti politik.

8. PR-1421-L04066

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program-program baru yang bertujuan membantu dan membimbing golongan muda, yang dilaksanakan di seluruh Malaysia, khususnya di Sarawak.

9. PR-1421-L03426

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kerja Raya dan pihak Jambatan Pulau Pinang pertama untuk meningkatkan lagi ciri-ciri keselamatan di Jambatan Pulau Pinang pertama untuk mengelakkan kejadian kenderaan-kenderaan terhumban ke dalam laut.

10. PR-1421-L03477

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perkembangan semasa berkaitan pendaftaran skim perlindungan insurans di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO) dalam kalangan pemandu teksi dan e-panggilan serta tindakan yang bakal diambil sekiranya gagal untuk berbuat demikian.

11. PR-1421-L03573
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan syarat-syarat "*Not To Land (NTL)*" dicop di dalam pasport orang asing. Bilangan kejadian NTL dicop sejak tahun 2015 hingga kini mengikut tahun dan nama negara asal mereka.
12. PR-1421-L03022
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah "*Standard Operating Procedure*" Pusat Analisis Sains Forensik Kimia Malaysia untuk bahan-bahan yang digunakan bagi pembuktian secara forensik untuk kes-kes narkotik.
13. PR-1421-L04184
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pewartaan kawasan larangan merokok di tempat makan awam dan penguatkuasaan larangan ini dalam mengurangkan aktiviti merokok di tempat awam.
14. PR-1421-L03822
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan maklumat secara terperinci berkenaan jumlah tenaga pakar tempatan yang berjaya dibawa kembali bekerja di Malaysia dan di mana ditempatkan melalui agensi Talent Corporation Malaysia Berhad yang kini diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Benarkah juga fungsi Talent Corporation Malaysia Berhad ini diperluaskan kepada membawa dan mencadangkan kelulusan pegawai dagang. Jika benar berapakah bilangan mereka dan di manakah mengikut industri.
15. PR-1421-L04003
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan menzahirkan butiran mandat Kerajaan Persekutuan dan dokumen/asas perundangan yang memberi tanggungjawab kepada Menteri Wilayah Persekutuan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur secara khususnya untuk masing-masing menjadi pengerusi dan ahli lembaga Yayasan Wilayah Persekutuan.
16. PR-1421-L03300
Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai kedudukan pembinaan jalan 4 lorong Ayer Keroh-Jasin-Tangkap Fasa 2 dan 3 akan dilaksanakan.

17. PR-1421-L03115
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program-program peningkatan atlet termasuk status tiga fasa pemilihan atlet untuk mewakili negara ke Sukan Asia Tenggara (SEA) ke-30 yang akan diadakan di Filipina.
18. PR-1421-L03449
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan meneruskan pembinaan Klinik Kesihatan Long Napir yang terbengkalai.
19. PR-1421-L04230
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan dalam menangani isu perjudian dalam talian dan sejauh mana seriusnya masalah ini.
20. PR-1421-L03856
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan :-
- (a) apakah perancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang oleh pihak Kementerian untuk membantu pembangunan luar bandar negeri Sarawak khususnya di Bintulu ; dan
 - (b) apakah perancangan pihak Kementerian untuk membantu membekalkan kuasa elektrik dan air bersih kepada sekolah-sekolah kawasan luar bandar terutamanya di Bintulu, Sarawak.
21. PR-1421-L03757
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi meningkatkan penyertaan OKU dalam sektor awam dan menggalakkan pihak swasta menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan ini.
22. PR-1421-L03061
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah akan digubal undang-undang anti lompat parti dan undang-undang dana politik. Jika tidak, mengapa. Jika ya, bilakah ianya akan dibentangkan.

23. PR-1421-L03570
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan langkah penguatkuasaan undang-undang terhadap pemaju yang masih gagal untuk memohon pengeluaran geran hak milik strata kepada pembeli dan melanggar peruntukan Akta Hak Milik Strata (Pindaan) 2013.
24. PR-1421-L03527
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah harga barang yang turun dan naik selepas pelaksanaan SST dan adakah pihak Kerajaan mengambil apa-apa tindakan bagi memastikan harga barang terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman terkawal.
25. PR-1421-L03805
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula harga Rancangan Makanan Tambahan (RMT) untuk pelajar-pelajar miskin memandangkan harga sekarang adalah RM2.50 bagi seorang pelajar adalah agak tidak wajar berbanding dengan harga bahan mentah dan menu yang ditetapkan oleh Kementerian. Ini mendorong pengusaha kantin sekolah menyediakan makanan yang kurang berkualiti kepada pelajar. Dan adakah Kementerian sedia maklum bahawa berlaku ketidakseragaman waktu penyediaan RMT di semua sekolah kerana ada sekolah yang menyediakan RMT di waktu tengahari, ini agak terpesong daripada hasrat asal RMT diwujudkan.
26. PR-1421-L03670
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berapakah jumlah terkini rakyat Malaysia yang kini dalam tahanan penjara luar negara dan apakah usaha Kerajaan untuk membawa mereka pulang.
27. PR-1421-L03070
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyekat kegiatan bot pelancong yang dikendalikan secara haram oleh pengusaha warga asing di daerah Semporna dan tempat-tempat pelancongan lain di negeri Sabah berikutan ramai pelancong akan datang pada tahun ini bukan sahaja daripada negara China, Taiwan, Hong Kong malah dari negara-negara Eropah juga.

28. PR-1421-L04091
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian Kewangan akan mewujudkan satu mekanisme yang akan membenarkan hasil-hasil dikutip dan dibenarkan dengan serta-merta dibayar kepada Sabah dan Sarawak dibawah Artikel 112C Perlembagaan Persekutuan termasuk hasil-hasil yang tertera dengan jelas dibawah 112C(2) tidak akan dimasukkan ke dalam Akaun Yang Disatukan (*Consolidated Account*) atau sebagai alternatif membenarkan Kerajaan Sabah dan Sarawak mengutip hasil-hasil cukai di negeri mereka masing-masing dan meremitkan dengan serta-merta bahagian yang berpihak kepada Kerajaan Persekutuan dan menyimpan bahagian mereka masing-masing.
29. PR-1421-L03506
Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kaedah yang digunapakai oleh pihak Kementerian untuk memastikan kesemua majikan mematuhi dan melaksanakan gaji minimum dan setakat ini berapa kadar peratus majikan yang melaksanakan.
30. PR-1421-L03173
Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan usaha Kerajaan untuk memulihkan masalah ekonomi yang berlaku di negara kita ketika ini.
31. PR-1421-L03224
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan jumlah keseluruhan (kumulatif) bilangan pinjaman dan pembiayaan yang telah disalurkan kepada usahawan-usahawan TEKUN di seluruh negara, mengikut negeri, semenjak Kerajaan PH mengambil alih pentadbiran negara.
32. PR-1421-L04052
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima Bantuan Sara Hidup di seluruh negara dan dari Sarawak dan apakah kriteria yang digunapakai bagi menentukan kelayakan pemohon.
33. PR-1421-L03120
Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah strategi Kementerian dan langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk mengiktiraf pendidikan dan kelulusan UEC.

34. PR-1421-L03204

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapa peratuskah jumlah keciciran di dalam persekolahan di kalangan anak-anak masyarakat Orang Asli khususnya melibatkan sekolah rendah, menengah serta Institusi Pengajian Tinggi; dan
- (b) apakah strategi Kementerian untuk mengatasi isi keciciran di perkampungan yang terpencil yang jauh dari sekolah.

35. PR-1421-L03468

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah tapak Pemprosesan Simen YTL di Sentul Raya didirikan hanya beberapa ratus meter dari Pejabat DBKL Cawangan Batu, kenapa selama hari ini ianya seolah-olah tiada tindakan yang diambil. Bagaimana lesen boleh dikeluarkan walaupun ianya ternyata melanggar beberapa syarat dan garis panduan utama seperti kelengkapan infra yang tidak mencukupi seperti sistem peparitan, jalan berlubang dan jalan dinaiki air yang dikhuatiri mempunyai campuran bahan kimia yang digunakan sewaktu pemprosesan simen berkenaan. Malahan pencemaran udara dan kawasan sering berdebu, ditambah lagi ianya didirikan sebelah sekolah. Bagaimana kesihatan guru-guru, pelajar dan seluruh warga Batu secara amnya apabila harus berdepan dengan masalah ini saban hari dan saban tahun.

36. PR-1421-L03687

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perkembangan terkini masalah kumbang merah yang melanda perladangan kelapa negara dan dikhabarkan sedang menyerang ladang sawit.

37. PR-1421-L02928

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terbaru obesiti mengikut golongan sosioekonomi. Apakah strategi Kementerian untuk mengatasi masalah obesiti ini khususnya di kalangan golongan B40.

38. PR-1421-L03146

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian serius untuk menggunakan produk berasaskan ganja bagi tujuan perubatan dan apakah langkah yang diambil bagi mengelakkan penyalahgunaan produk berasaskan ganja.

39. PR-1421-L02966
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah nisbah tenaga akademik berpengalaman berbanding dengan yang kurang dari 10 tahun di IPT untuk sesuatu bidang dan adakah sistem pendidikan serta amalan di IPT sekarang mampu mencapai hasrat negara.
40. PR-1421-L03715
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mekanisme pemberian tender sekolah daif akan hanya tertumpu kepada syarikat-syarikat di Sarawak atau terbuka untuk semua.
41. PR-1421-L02937
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanannya fungsi Jabatan Bantuan Guaman yang ditaja oleh Kerajaan untuk menyalurkan bantuan undang-undang kepada rakyat yang berpendapatan rendah.
42. PR-1421-L02919
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan punca-punca kekurangan bekalan minyak ke Pekan Kapit yang sering kali kehabisan minyak.
43. PR-1421-L03394
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan diambil Kerajaan terhadap kejadian membakar Jalur Gemilang di Filipina oleh kumpulan Elly Pamatong, pada 19 dan 21 Januari Lepas, bagi mengelak ia berulang pada masa depan.
44. PR-1421-L03161
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi mengawal kejatuhan nilai ringgit dan berapakah jumlah rizab antarabangsa yang telah dicairkan bagi menampung kejatuhan nilai ringgit ketika ini.
45. PR-1421-L03901
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan kedutaan di Palestin sebagai pernyataan tegas dan komitmen Malaysia untuk terus mengiktiraf kewujudan Palestin.

46. PR-1421-L03560
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana Dasar Komuniti Negara diyakini mampu mendidik masyarakat dalam aspek pengukuhan komuniti setempat.
47. PR-1421-L02983
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan terdapat banyak permasalahan dengan kuil-kuil di Malaysia. Namun sehingga sekarang masih terdapat masalah berkenaan tanah kuil yang tidak dapat diselesaikan dan tapak kuil yang tidak dapat didaftarkan. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan perkara seperti ini tidak akan berulang.
48. PR-1421-L03975
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang akan dikenakan terhadap individu yang memalsukan latar belakang pendidikan dan mengeksploitasi penggunaan ijazah atau sijil palsu demi keuntungan sendiri.
49. PR-1421-L03051
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memperkukuhkan asas ekonomi negara untuk berhadapan persaingan ekonomi global yang tidak menentu.
50. PR-1421-L03741
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai berapakah jumlah anak-anak syarikat Tabung Haji dan pohon penjelasan dari pihak Kerajaan berapakah kerugian dan keuntungan dari keseluruhan anak-anak syarikat tersebut.
51. PR-1421-L03879
Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan Pusat untuk mengurangkan jurang pendapatan dalam usaha mencapai status negara berpendapatan tinggi.
52. PR-1421-L04012
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status bonus pencen (*one off*) RM500 yang dijanjikan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada November 2018 kepada pesara miskin.

53. PR-1421-L03399
Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan di mana pasangan ibu bapa yang tidak berkahwin melahirkan anak bersama, dan selepas kelahiran anak tersebut memperolehi perintah deklarasi anak yang telah disahtarafkan, sama ada terdapat polisi baru di Jabatan Pendaftaran Negara untuk melicinkan pendaftaran kewarganegaraan untuk anak yang telah disahtarafkan melalui operasi undang-undang (*by operation of law*). Adakah terdapat polisi baru di Jabatan Pendaftaran untuk membantu penduduk Sarawak yang lambat mendaftar Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan akibat masalah kewangan dan kerana lokasi mereka di pedalaman yang jauh dari kawasan bandar.
54. PR-1421-L04100
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pengesahan jemputan kehadiran dan penglibatan ahli parlimen dan DUN dalam mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat dan pembangunan PBT di negeri Kedah.
55. PR-1421-L03772
Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan respon berkaitan memorandum yang telah dihantar oleh Jawatankuasa Bertindak FR5 Parlimen Sungai Besar pada 20 Februari 2019 kepada Timbalan Menteri JKR berkaitan keculasan kerja-kerja pembinaan FR5.
56. PR-1421-L03545
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah bayaran balik pinjaman PTPTN yang terkini. Adakah kerajaan Pakatan Harapan bercadang untuk memberikan inisiatif atau diskaun bagi bayaran balik pinjaman, khusus untuk para pelajar di kalangan B40.
57. PR-1421-L03403
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan asing dan tempatan sejak tahun 2015 dan sasaran terkini untuk 2019 dan apakah industri yang akan diutamakan.
58. PR-1421-L04212
Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang Kerajaan terkini dan langkah-langkah yang diambil untuk menjana pendapatan Kerajaan supaya hutang boleh dilangsaikan.

59. PR-1421-L03355
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian atau pegangan Malaysia terhadap isu Kashmir dan orang-orang Islam yang dianiaya.
60. PR-1421-L03192
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menambah baik ketelusan dan kemodenan sistem pilihan raya di Malaysia sepertimana yang dijanjikan di dalam Buku Harapan.
61. PR-1421-L04286
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk meningkatkan lagi hukuman kepada individu yang didapati sengaja menghina atau mencetuskan provokasi baik daripada segi agama atau kaum, semoga kebebasan media yang diberikan sedia ada tidak disalah guna sewenang-wenangnya oleh pihak tertentu.
62. PR-1421-L03982
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha yang dilakukan bagi memantau dan mengawal perekaan, penerbitan dan penulatan berita tidak benar.
63. PR-1421-L04279
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi dan langkah kerajaan bagi menarik lebih banyak pelaburan berkualiti dari China memandangkan terdapat kira-kira 300 daripada 500 syarikat China utama yang disenaraikan di Fortune Magazine masih belum membuat pelaburan di Malaysia.
64. PR-1421-L04311
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa terjadi dengan cadangan untuk mengantikan SK St. Theresa Serian yang telah disahkan tidak selamat untuk digunakan oleh pihak JKR tetapi masih digunakan.

65. PR-1421-L04220
Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berkenaan dengan keperluan perancangan dan tindakan untuk penambahbaikan kaedah pemberian, kelulusan dan pelaksanaan projek PPRT Bina-Baru dan baik pulih sebelum ini dan semasa. Memandangkan masih ramai lagi golongan yang lebih memerlukan tetapi sekian lama terpinggir.
66. PR-1421-L03630
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah beliau sedar banyak projek-projek pembinaan di Labuan gagal disiapkan mengikut masa yang dijadualkan dan ramai kontraktor mengalami kerugian disebabkan kos pembinaan di Labuan 50% lebih tinggi daripada Semenanjung dan 30% lebih tinggi daripada Sabah. Adakah ianya tidak diambil kira apabila pelantikan kontraktor dibuat selama ini.
67. PR-1421-L03412
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan cadangan-cadangan Kerajaan untuk membangunkan ekonomi Kelantan supaya negeri ini dapat turut mengecapi kemajuan ekonomi negara selari dengan sasaran Malaysia menjadi negara maju menjelang 2025.
68. PR-1421-L02905
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan senarai statistik kelulusan program "*Malaysia My Second Home*" (MM2H) dari bulan Mei 2018 hingga kini mengikut negara asal pemohon dan berapa permohonan yang sedang menunggu mengikut negara asal.
69. PR-1421-L03002
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah terbaik yang dilakukan Kementerian untuk memastikan kadar pengangguran di Malaysia tidak meningkat ke arah membimbangkan.
70. PR-1421-L03844
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan statistik bilangan atlet dalam program MSN, berapa yang dinaikkan elaun dan dikurangkan elaun, jumlah elaun yang dinaikkan dan dikurangkan.

71. PR-1421-L03326

Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) bilangan aduan yang diterima berkaitan diskriminasi kaum, jantina dan OKU di tempat kerja oleh majikan sejak tahun 2013; dan
- (b) langkah-langkah yang telah diambil dalam menangani isu diskriminasi di tempat kerja atau dalam sektor pekerjaan yang berkaitan dengan pemberian gaji dan kenaikan pangkat.

72. PR-1421-L04240

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Akta Hasutan 1948 masih belum dimansuhkan walaupun perkara ini telahpun dijanjikan akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

73. PR-1421-L03601

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sebab-sebab utama kurangnya penyertaan golongan wanita dalam pasaran pekerjaan, serta undang-undang yang perlu digubal atau dipinda untuk memastikan suasana pekerjaan adalah lebih mesra wanita serta melindungi hak wanita.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri Hal Ehwal Ekonomi** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini,

menyedari akan perlunya diberi penjelasan mengenai isu yang dihadapi oleh FELDA serta pelan pemulihan bagi mengembalikan keyakinan rakyat dan memastikan kebajikan peneroka terus dibela oleh Kerajaan

mengambil maklum cabaran dan pemasalahan peneroka, hasil penemuan audit forensik ke atas lapan (8) pelaburan yang dilaksanakan oleh FELDA dan anak syarikat serta prestasi kewangan FELDA, termasuk implikasi perjanjian pajakan tanah, pinjaman kepada peneroka dan pulangan pelaburan; dan

meluluskan dan merestui usaha Kerajaan untuk melaksanakan pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang ke arah kelestarian FELDA seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil.6 Tahun 2019.

Bahawa dalam meluluskan Kertas Putih "Ke Arah Kelestarian Lembaga Tanah Persekutuan (FELDA)", Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama menyokong Kerajaan dalam menjayakan usaha ini. "

2. (D.R 8/2019) Rang Undang-Undang Levi Pelepasan 2019 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (9 April, 2019)**

[Menteri Kewangan]

3. (D.R 33/2018) Rang Undang-Undang Pentadbiran **Bacaan Kali Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Yang Kedua Persekutuan) (Pindaan) 2018**

[Perdana Menteri]

4. (D.R 9/2019) Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2019 "

[Perdana Menteri]

5. (D.R 35/2018) Rang Undang-Undang Undang-Undang Sivil (Pindaan) 2018 "

[Perdana Menteri]

6. (D.R 10/2019) Rang Undang-Undang Cap Dagangan 2019 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna]

7. (D.R 11/2019) Rang Undang-Undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 "

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna]

8. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Yang Berhormat Dato' Noraini binti Ahmad, Ahli Parlimen Parit Sulong dipilih menggantikan Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Ahli Parlimen Beluran sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Parlimen Keempat Belas."

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM13,305 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan ST.68 bagi tahun 2019 disahkan. "

11. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2), Akta Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan ST.47, ST.48, ST.49, ST.50, ST.51, ST.52, ST.53, ST.54, ST.55, ST.56, ST.57, ST.58, ST.60 dan ST.72 bagi tahun 2019 disahkan."

12. PR-1421-U(27)029

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa penjelasan apakah strategi Kerajaan dalam rundingan dengan Singapura berhubung kait isu persempadanan dan kedaulatan ruang udara kedua-dua negara yang timbul sejak kebelakangan ini. Senario diplomatik Malaysia dan Singapura telah banyak berubah apabila isu-isu persempadanan ruang udara timbul secara spesifiknya melibatkan pemakaian Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar dan kewujudan Kawasan Larangan Kekal (PRA) untuk aktiviti ketenteraan di ruang udara Pasir Gudang. Kerajaan perlu melihat situasi ini secara serius apabila Singapura membantah kewujudan PRA di ruang udara Pasir Gudang kerana pada anggapan mereka ia akan mengekang aktiviti penerbangan awam walaupun begitu jelas PRA itu hanya ditujukan kepada aktiviti ketenteraan sahaja. Cabaran juga timbul dan perlu diselesaikan oleh Kerajaan apabila Malaysia membuat bantahan terhadap penggunaan ILS yang memerlukan pesawat mengguna ruang udara Pasir Gudang yang akan mengundang kekangan pembangunan fizikal bandar itu terutamanya membabit isu had ketinggian bangunan dalam laluan ILS. Rundingan antara kedua negara ini amat penting dalam mempertahankan kedaulatan persempadanan negara dan seharusnya Malaysia bertegas dan berhati-hati supaya akhirnya kedua-dua negara mendapat penyelesaian yang terbaik dalam hal ini."

[Menteri Pengangkutan]

13. PR-1421-U(27)030

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menjelaskan kegelisahan anak muda mengenai perancangan dan dasar yang menyeluruh melibatkan pembangunan golongan belia meliputi semua golongan masyarakat dan kaum di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai perancangan dasar yang jelas seperti yang dilaksanakan Kerajaan terdahulu melalui Transformasi Nasional 2050 yang menggariskan enam teras tumpuan pembangunan belia masa hadapan yang dinamik dan berwawasan. Anak muda kini dibelenggu kerisauan berkenaan dasar pembangunan belia dan dasar pembangunan sukan yang tidak jelas sehingga memberi kesan terhadap kemajuan serta penambahbaikan organisasi belia dan sukan secara keseluruhan. "

[Menteri Belia Dan Sukan]

14. PR-1421-U(27)031

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan dasar dan pelan yang menyeluruh berkenaan halatuju negara jangka masa panjang selepas tamatnya Wawasan 2020. Kerajaan perlu memberi penjelasan kepada kebimbangan rakyat serta membuka ruang perbincangan disamping mendapatkan input daripada rakyat berkenaan apakah rancangan Kerajaan merangkumi seluruh lapisan masyarakat pelbagai umur menyentuh kesinambungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat jangka masa panjang. Kegusaran rakyat kini adalah apa yang akan berlaku pada 30 tahun akan datang. Rakyat gusar mengenai cabaran taraf hidup yang semakin kompleks di samping keadaan sosioekonomi dan keselamatan yang tidak menentu menyebabkan kegagalan kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan akan terbantut. "

[Perdana Menteri]

15. PR-1421-U(27)032

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan perincian laporan penggunaan kewangan, perkembangan laporan pembangunan dan prestasi terkini Jawatankuasa Pemerksaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (JKPTVET). Fungsi dan peranan penubuhan jawatankuasa ini semenjak diperkenalkan pada 21 Jun 2018 dilihat belum memberikan gambaran jelas berkenaan pelan perkembangan dan strategi pencapaian yang amat penting untuk diketahui oleh rakyat khususnya anak muda pemegang taruh meliputi pelajar, komuniti, industri dan penyedia TVET awam dan swasta yang terlibat secara langsung dalam bidang kemahiran. Kerajaan secara serius perlu memberikan perhatian terhadap perkara ini kerana ia melibatkan pendidikan dan masa hadapan anak muda yang inginkan jaminan Kerajaan memastikan mereka berjaya dalam bidang kemahiran. "

[Menteri Pendidikan]

16. PR-1421-U(27)033

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap kebimbangan keadaan tidak selamat melibatkan banduan dalam penjara di seluruh negara merangkumi isu kepadatan sel, masalah kemudahan dalam penjara, tahap kawalan kesihatan dan keselamatan penjara serta penyebaran wabak penyakit. Kebanjiran jumlah banduan di dalam sesetengah penjara di negara ini menyebabkan keadaan yang tidak kondusif berlaku seterusnya mengakibatkan risiko penyebaran wabak penyakit yang lebih tinggi seperti penyakit TB dan kencing tikus. Sebuah kajian menyeluruh dan komprehensif harus dibentang dan dibincangkan segera bagi mendapatkan penyelesaian memandangkan situasi ini akan memberikan kesan terhadap persekitaran sekeliling dan ia akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan."

[Menteri Dalam Negeri]

17. PR-1421-U(27)034

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kerisauan rakyat berhubung usaha mendukung Perlembagaan Negara dengan memperkasa identiti kenegaraan dan perpaduan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang dilihat semakin lesu dan tidak aktif. Kerajaan perlu membentangkan serta memberi ruang perbincangan dengan segera apakah perancangan terperinci dan strategi jangka masa panjang JPNIN untuk mengukuhkan perpaduan dan menyemai semangat Rukun Negara dalam diri setiap warganegara disamping membentangkan laporan kewangan dan prestasi JPNIN bagi suku ketiga dan keempat tahun 2018. Kerisauan yang timbul adalah Kerajaan baharu ini dilihat tidak memperkasa fungsi dan peranan JPNIN yang mempunyai struktur jawatankuasa yang efisien dan tersusun malah Kerajaan dilihat hilang fokus terhadap strategi menyediakan perancangan khusus bagi perpaduan dan integrasi nasional secara keseluruhan."

[Perdana Menteri]

18. PR-1421-U(27)035

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kebimbangan rakyat berhubung dasar Kerajaan dalam sektor automotif negara yang tidak seimbang dan memberikan lebih banyak keuntungan buat syarikat pengeluar kenderaan luar negara untuk menguasai pasaran berbanding syarikat pengeluar kenderaan tempatan. Kerajaan perlu menjelaskan mekanisme dan strategi yang menyeluruh dalam memastikan syarikat-syarikat automotif tempatan seperti Syarikat Proton dan Perodua terus kompeten agar dilihat lebih berdaya saing dengan syarikat luar negara. Kerajaan juga harus menetapkan kewajiban buat seluruh institusi pentadbiran dan agensi Kerajaan seluruh negara menggunakan kenderaan berjenama tempatan sebagai kenderaan rasmi supaya ia dapat dilihat sebagai usaha menyokong semangat kenegaraan dan membantu merencanakan perkembangan produk kereta nasional."

[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri]

19. PR-1421-U(27)039

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu **Jawatankuasa Pemilih Khas** ditubuhkan dan satu **referendum rakyat** diadakan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati.

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat. "

[Perdana Menteri]

20. PR-1421-U(27)040

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) tidak dibatalkan memandangkan ia sudah siap 20% dan Kerajaan perlu membayar pampasan yang tinggi kerana melanggar kontrak perjanjian. Tambahan pula, landasan yang akan memendekkan jarak perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu ini berupaya memberi manfaat ekonomi kepada negara dengan melonjakkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau *Gross Domestic Product* (GDP) di tiga negeri pantai timur sebanyak 1.5%. Ia juga akan merangsang pertumbuhan ekonomi di pantai timur, rangkaian hubungan yang penting di antara timur dan barat serta merapatkan jurang ekonomi antara bandar-luar bandar. Maka Dewan Rakyat menyeru agar YAB Perdana Menteri dan semua ahli Jemaah Menteri dapat meneruskan projek ECRL ini."

[Perdana Menteri]

21. PR-1421-U(27)041

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* (CEP) dengan mengeluarkan unsur-unsur berkaitan kepentingan negara yang sensitif daripada Laporan CEP serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan oleh CEP. Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan dewan ini pada 15 Oktober 2018 bahawa CEP telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018 dan pihak Kerajaan telah pun menerima laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP. Memandangkan enam bulan telah berlalu untuk Kerajaan untuk meneliti Laporan CEP, maka atas prinsip ketelusan dan akauntabiliti, tibalah masa bagi Kerajaan untuk mendedahkan Laporan CEP supaya rakyat Malaysia dapat memberikan input serta sama-sama menentukan hala tuju negara."

[Perdana Menteri]

22. PR-1421-U(27)042

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (*Institutional Reforms Committee-IRC*) serta laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan pembaharuan oleh IRC. Memandangkan wujudnya dakwaan oleh seorang Hakim Mahkamah Rayuan melalui affidavit yang boleh menjejaskan keyakinan orang awam terhadap institusi kehakiman baru-baru ini, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang substantif dalam pentadbiran institusi-institusi seperti badan kehakiman dalam negara. "

[Perdana Menteri]

23. PR-1421-U(27)043

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti SilTerra Malaysia Sdn Bhd dan Sime Darby seperti yang diwar-warkan, ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat yang dicarum melalui pelaburan Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

24. PR-1421-U(27)044

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan UEC adalah

kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM, maka UEC boleh diiktiraf. Mantan Menteri Pelajaran iaitu ahli parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM dan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran sejarah dalam SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa semenjak tahun 2013. Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk memperjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan, Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berbolak-balik. Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan. "

[Menteri Pendidikan]

25. PR-1421-U(27)045

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan.

Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.

Tetapi malangnya, perlaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk cina."

[Menteri Pendidikan]

26. PR-1421-U(27)046

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1.5 juta bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara.

Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah. "

[Perdana Menteri]

27. PR-1421-U(27)027

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Perdana Menteri]

28. PR-1421-U(27)028

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urustadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

29. PR-1421-U(27)036

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Banyak kuarters-kuarters guru yang dibina di seluruh negara dengan begitu cantik dengan harga beratus juta ringgit ditinggalkan kosong tidak didiami. Kuarters ini telah banyak yang rosak dan tidak terjaga. Kawasan dipenuhi semak samun dan tidak terurus. Banyak yang menjadi tempat penagih dadah beroperasi dan kawasan ini menjadi bukti bagaimana Kerajaan tidak prihatin terhadap alam sekitar dan pembaziran wang rakyat yang amat luar biasa. Dicadangkan semua kuarters ini dijual kepada mana-mana pihak dengan harga yang berpatutan supaya beban tidak lagi ditanggung oleh Kerajaan dan pulangan dari jualan ini boleh digunakan bagi mereka yang memerlukan."

[Menteri Pendidikan]

30. PR-1421-U(27)037

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Dadah telah mula masuk ke sekolah-sekolah. Walau pun jumlahnya masih kecil tetapi tindakan segera mesti diambil. Bagi mengelak dari pelajar terlibat sekolah disarankan memperbanyakkan kegiatan pasukan beruniform seperti kadet tentera, kadet polis, kedet bomba, pengakap dan lain-lain pasukan beruniform dan perbanyakkan aktiviti luar sekolah. Kegiatan ini semua akan membina perasaan kekitaan dan saling tegur menegur. Jabatan kaunseling di sekolah juga mesti diperkembangkan agar pelajar yang menghadapi masalah cepat dikenal pasti dan diambil tindakan."

[Menteri Pendidikan]

31. PR-1421-U(27)038

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Kemalangan jalan raya makin meningkat di negara ini. Di antara punca kemalangan ialah pengguna yang cuai dan penguatkuasaan oleh agensi yang lemah. Sebagai contoh kemalangan melanggar kenderaan yang diberhenti di bahu jalan, atau kenderaan yang rosak ditinggalkan tanpa dipaparkan notis kereta/kenderaan rosak. Kerajaan hendaklah menggunakan semua ruang seperti TV dan radio bagi menyebarkan maklumat kepada pengguna jalan raya jika kenderaan mereka rosak, notis secukupnya mesti dipamerkan agar pengguna yang lain sedar dan tahu masalah wujud di hadapan mereka dan mereka akan bersedia untuk elakkan dari melanggar kenderaan yang rosak ini."

[Menteri Pengangkutan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.33	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia Bagi Tahun 2017	10 April 2019
ST.97	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Sukan Negara Bagi Tahun 2017	10 April 2019
ST.99	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) Bagi Tahun 2018	10 April 2019
ST.100	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Bagi Tahun 2017	10 April 2019
ST.101	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2017	10 April 2019

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 10.04.2019 (Rabu)	1. YB Tuan Wong Kah Woh (Ipoh Timur)	1. Pengenaan Caj Pembedungan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK)	1. YB Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli
2. 10.04.2019 (Rabu)	2. YB Tuan Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)	2. Membina Jambatan Pejalan Kaki Dan Motosikal Serta Menyediakan Laluan Pejalan Kaki Di Kawasan Berisiko Tinggi Kemalangan Dalam Parlimen Paya Besar	2. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**